

605 Lokasi Bakal Dijadikan Pusat Pemberian Vaksin


📅 [16 February 2021](#) 📁 [Berita Lain](#)

KUALA LUMPUR, 16 Feb – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti 605 lokasi untuk dijadikan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi membolehkan program vaksinasi itu dilaksanakan, yang dijangka bermula akhir bulan ini.

Menurut Buku Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dikeluarkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) hari ini, PPV sementara seperti stadium, pusat konvensyen, dewan orang ramai, universiti serta fasiliti bersesuaian, juga akan dibuka mengikut keperluan dan lokasi itu akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

Vaksin COVID-19 jenis Pfizer-BioNTech akan tiba di negara ini pada Ahad, sementara pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan mula dilancarkan secara berfasa pada 26 Feb.

Pada masa yang sama, menurut dokumen yang disediakan JKJAV itu, sebanyak 54 lokasi juga akan dijadikan sebagai Pusat Simpanan Vaksin.



[f](#) Facebook

Likes [Like Kami](#)

[t](#) **146390**

[Followers](#)

[i](#) [Follow Kami](#)

Instagram

[Followers](#)

[v](#) [Follow Kami](#)

Youtube

"Proses penghantaran dan penyimpanan vaksin di lokasi itu akan melibatkan operasi bersepadu pelbagai agensi kerajaan menerusi KKM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), serta pihak berkuasa keselamatan yang lain.

"Setakat ini, KKM berjaya melaksanakan latihan penghantaran vaksin di Klinik Kesihatan Belaga yang merupakan kawasan pedalaman di Sarawak dan Hospital Bintulu pada 29 sehingga 30 Jan lepas, sebagai langkah persiapan rapi sebelum proses imunisasi dilaksanakan," demikian menurut dokumen tersebut.

Sementara itu, vaksin yang akan diberikan hanya meninggalkan kesan sampingan yang ringan dan bersifat sementara seperti sakit, bengkak atau kemerahan di tempat suntikan, penat, sakit kepala, menggigil, sakit sendi, demam, loya dan bengkak kelenjar limfa.

Buku itu turut menyatakan pemantauan kesan sampingan dan kesan sampingan susulan imunisasi (AEFI) akan dijalankan secara pengawasan diperketatkan, dengan penerima vaksin yang akan diberi notifikasi dan peringatan berjadual melalui aplikasi MySejahtera, bagi melaporkan sebarang masalah dialami.

Pelaporan AEFI juga boleh dibuat oleh petugas kesihatan melalui sistem sedia ada, dan penyiasatan bagi kes yang serius akan dijalankan dengan teliti. Bagi tujuan itu juga, satu jawatankuasa pakar khas turut ditubuhkan bagi menilai kes-kes itu dan isu keselamatan berkaitan vaksin COVID-19.

Program imunisasi itu akan dilaksanakan secara bersepadu melibatkan petugas daripada KKM, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), pasukan keselamatan, petugas kesihatan swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

Pendaftaran bagi sukarelawan serta maklumat mengenai program imunisasi, boleh diperoleh menerusi laman sesawang <http://vaksincovid.gov.my>.

Selain itu, bagi membantu masyarakat untuk mengetahui dan memahami perincian serta maklumat tentang program berkenaan, advokasi dan khidmat sokongan akan dilakukan dengan melibatkan pelbagai pihak, termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT).

Subscribers



Langgan

Telegram

Telegram



Sertai Kami

Linkedin

connections



Ikuti Kami

RSS Subscribe

Langgan



Dalam soal ini, PBT berperanan membina keyakinan masyarakat setempat terhadap keselamatan dan keberkesanan vaksin, selain membantu urusan logistik di pusat vaksinasi bergerak mengikut keperluan masyarakat. – *BERNAMA*

« PKP Dilanjut Di KL Dan Tiga Negeri, Negeri Lain Kecuali Perlis Dikuatkuasa PKPB
COVID-19: Kes Sembuh Tertinggi Dicatatkan – KP
Kesihatan »

Berita Terkini

- Dinamik Politik Baharu... UMNO Bina Kekuatan, Daya Tarikan Untuk Rakyat – Shahril Hamdan
- I-Sinar Tanpa Syarat: Lima Isu Utama Rakyat Bangkitkan – Pemuda UMNO
- Hotline i-Sinar: Tahniah Pemuda UMNO, Bukti UMNO Paling Terkehadapan Jaga Kebajikan Rakyat – Ahmad Zahid
- Laksanakan Undi 18, Generasi Muda Mesti Diberi Hak Dan Kepercayaan – Shahril Hamdan
- Kenyataan Tun Daim UMNO Sarat Dengan 'Warlord' Timbulkan Tanda Tanya
- Impak COVID-19: Wujudkan Pelan Tindakan Khusus Bantu Wanita, Keluarga – Shahrizat
- Pertikai Pelantikan Jamil Khir Pengerusi Perhebat : Rakyat Tidak Lupa Tohmahan PH – Pemuda UMNO Kedah
- Saksikan Shahril Hamdan Dalam

Wacana Sinar
Malam Ini: 'Tanpa
PN, UMNO
Sebatang Kara?'

- Perkasakan BN, Kukuhkan Kerjasama Dengan Pihak Yang Ikhlas

Jadi Hala Tuju –
Ahmad Zahid

- Tuduh UMNO... Daim Baik Diam

Video Terkini

- Kenapa UMNO diserang dari segala peluru
- SELASA 16 FEBRUARI 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- Akar Umbi Dan UMNO Ibarat Irama Dan Lagu – Noran Zamini @ Mak Long PTPTN
- ISNIN 15 FEBRUARI 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- Video Lama Tular Berniat Jahat, Fitnah, Kelirukan Rakyat – Ismail Sabri
- Pandemic COVID-19 memberi kesan dan mengubah program pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
- Khamis 11 Februari 2021 –

Berita Pumas 5@5

o RABU 10

FEBRUARI 2021 –
BERITA PUMAS

5@5

o SELASA 9

FEBRUARI 2021 –
BERITA PUMAS

5@5

o ISNIN 8

FEBRUARI 2021 –
BERITA PUMAS

5@5

Podcast Terkini

o SELASA 16

FEBRUARI 2021 –
BERITA PUMAS

5@5

o ISNIN 15

FEBRUARI 2021 –
BERITA PUMAS

5@5

o KHAMIS 11

FEBRUARI 2021 –
BERITA PUMAS

5@5

o RABU 10

FEBRUARI 2021 –
BERITA PUMAS

5@5

o SELASA 9

FEBRUARI 2021 –
BERITA PUMAS

5@5





UTAMA | KEMASKINI | PENAFIAN & PRIVASI | DIREKTORI & ALAMAT |
UMNO | BN | HUBUNGI KAMI |

Powered by WordPress and Smartline.